

Jawapan

Bab 1

Uji Kendiri 1.1 (m.s. 8)

1. Kimia bermaksud salah satu bidang ilmu sains yang mengkaji tentang struktur, sifat, komposisi dan interaksi antara jirim.
2. Pengawet, vitamin, pestisid, cat, detergen (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
3. Perkembangan teknologi dalam pengawetan makanan (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
4. (a) Penyelidik, doktor, ahli farmasi (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
(b) Penyelidik bioteknologi, petani, jurutera bioteknologi (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)

Cabaran Minda (m.s. 10)

Tambahkan ketulan ais ke dalam air suling dan kacaukan larutan tersebut dengan menggunakan termometer sehingga mendapat suhu 10.0 °C.

Uji Kendiri 1.2 (m.s. 11)

1. Kaedah saintifik ialah suatu kaedah sistematik yang diguna pakai oleh ahli sains atau penyelidik dalam menyelesaikan masalah berkaitan sains.
2. Kaedah saintifik membantu ahli kimia dalam menyelesaikan masalah melalui langkah saintifik yang sistematik. (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
3. (Jawapan murid yang sesuai)
Hipotesis: Penambahan gula dapat meningkatkan kadar pencairan ais.
Pemboleh ubah dimanipulasikan: Jisim gula yang digunakan
Pemboleh ubah bergerak balas: Kadar pencairan ais
Pemboleh ubah dimalarkan: Suhu persekitaran, jenis gula yang digunakan, jisim ais
Prosedur:
 1. Sukatkan 200 g ketulan ais dan masukkan ke dalam baldi kecil.
 2. Letakkan baldi kecil tersebut di tempat yang teduh selama 5 minit.
 3. Sukatkan air yang terhasil dalam baldi tersebut dengan menggunakan silinder penyukat selepas 5 minit.
 4. Catatkan bacaan di dalam jadual.
 5. Ulang langkah 1 hingga 4 dengan menambahkan 10 g gula, 30 g gula dan 50 g gula.

Cabaran Minda (m.s. 16)

Tidak. Sisa bahan kimia di dalam makmal mempunyai cara pelupusan yang spesifik mengikut jenis bahan. Jika sisa bahan kimia dibuang secara terus ke dalam singki atau tong sampah biasa mungkin menyebabkan pencemaran alam sekitar dan membahayakan kesihatan manusia.

Uji Kendiri 1.3 (m.s. 18)

1. - Tidak boleh bermain di dalam makmal.
- Pakai alat pelindung diri semasa menjalankan eksperimen.
- Dilarang membawa makanan dan minuman ke dalam makmal.
(mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
2. (a) Alat direka khas untuk menjalankan eksperimen yang membebaskan wasap beracun, mudah terbakar atau berbau sengit.
(b) Digunakan untuk membasuh dan membersihkan badan apabila kemalangan berlaku pada bahagian badan. Alat ini juga digunakan untuk memadamkan api sekiranya berlaku kebakaran pada bahagian badan.
(c) Digunakan sebagai pelindung untuk badan dan pakaian daripada tumpahan bahan kimia seperti asid, alkali, dan pelarut organik.
3. Sisa pepejal seperti kaca dan getah perlu dibuangkan ke dalam bekas khas.
4. Gas oksigen – masukkan kayu uji berbara ke dalam tabung uji, kayu uji berbara akan bernyala.
Gas hidrogen – letakkan kayu uji bernyala di mulut tabung uji, bunyi “pop” akan terhasil.
5. Ulang proses pentitratan sehingga mendapat sekurang-kurangnya dua nilai isi padu yang perbezaannya tidak melebihi 0.05 cm³.

Penilaian Prestasi 1 (m.s. 20 - 21)

1. (a) Garam, gula, cat, pengawet, detergen (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
(b) Garam – sebagai perisa atau pengawet
Gula – sebagai perisa atau pengawet
Cat – digunakan untuk mengecat bangunan, kayu atau logam sebagai pelindung untuk bahan-bahan tersebut
Pengawet – untuk mengawet makanan agar boleh disimpan untuk tempoh yang lebih panjang
Detergen – digunakan sebagai pencuci untuk menanggalkan kotoran pada pakaian
(mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
2. (a) Industri pertanian, industri kosmetik, industri perubatan (mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
(b) Pertanian – memberi sumber makanan dan sumber ekonomi kepada negara
Kosmetik – memberi sumber pendapatan untuk negara
Perubatan – membekalkan perubatan yang baharu kepada rakyat dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat
(mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
3. Kaca mata keselamatan – digunakan untuk mengelakkan debu atau percikan bahan kimia terkena mata.
Baju makmal – digunakan sebagai pelindung untuk badan dan pakaian daripada tumpahan bahan kimia seperti asid, alkali, dan pelarut organik.
Sarung tangan – digunakan semasa mengendalikan bahan kimia untuk melindungi tangan daripada tercedera, terkena bahan kimia atau jangkitan.
(mana-mana jawapan lain yang boleh diterima)
4. Membuat pemerhatian → Membuat inferens → Mengenal pasti masalah → Membuat hipotesis → Mengenal pasti pemboleh ubah → Mengawal pemboleh ubah → Merancang eksperimen → Mengumpul data → Mentafsir data → Membuat kesimpulan → Menulis laporan
5. Langkah keselamatan yang perlu diambil:
 1. Maklumkan kemalangan kepada guru atau pembantu makmal dengan segera.
 2. Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan.
 3. Taburkan serbuk sulfur untuk menutup tumpahan.
 4. Hubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk tindakan selanjutnya.
6. (a) Untuk memberikan luas permukaan yang berlainan terhadap kain tersebut
(b) Semakin besar luas permukaan kain, semakin cepat kain tersebut menjadi kering.
(c) Kain yang mempunyai luas permukaan yang besar akan kering lebih cepat berbanding dengan kain yang mempunyai luas permukaan yang kecil.
(d) Pemboleh ubah dimanipulasikan: Luas permukaan kain
Pemboleh ubah bergerak balas: Kadar pengeringan kain
Pemboleh ubah dimalarkan: Suhu persekitaran, jenis kain yang digunakan, saiz kain
- (e)

Luas permukaan kain (cm ²)	25	50	100
Masa yang digunakan untuk kain menjadi kering (minit)			

Sudut Pengayaan (m.s. 21)

1. (a) Sarung tangan terpakai, kelalang kon pecah, bromin, asid pekat
(b) Sarung tangan dan kelalang kon – perlu dibuang ke dalam bekas khas
Bromin – perlu disimpan dalam bekas yang tertutup dan dijauhkan daripada sumber cahaya dan haba
Asid pekat – perlu dimasukkan ke dalam bekas yang berlabel dan dilupuskan
2. (Jawapan murid yang sesuai)
Hipotesis – Tanah yang mempunyai pH yang berasid adalah tidak sesuai untuk penanaman sayuran.
Cara mengawal:
Pemboleh ubah dimanipulasikan – jenis tanah // tanah neutral, tanah berasid dan tanah beralkali
Pemboleh ubah bergerak balas – kadar pertumbuhan sayuran dalam keadaan tanah yang berlainan pH
Pemboleh ubah dimalarkan – jenis sayuran yang sama, keamatan cahaya yang sama

Jawapan

Bab 2


Aktiviti 2.2 (m.s. 26 – 27)

Perbincangan:

- (a) Naftalena, $C_{10}H_8$ merupakan suatu bahan yang mudah terbakar.
(b) Kaedah kukus air dapat mengagihkan haba secara merata. Perkara ini dapat memastikan pemanasan yang sekata.
- (a) Untuk memastikan proses penyejukan yang sekata.
(b) Untuk mengagihkan haba secara merata.
(c) Penyejukan lampau akan berlaku.
- Semasa peleburan, tenaga haba yang diserap digunakan oleh zarah naftalena, $C_{10}H_8$ untuk mengatasi daya tarikan antara zarah sehingga pepejal bertukar menjadi cecair.
Semasa pembekuan, tenaga haba yang dibebaskan ke persekitaran diimbangi oleh tenaga haba yang terbebas apabila zarah menarik antara satu sama lain untuk membentuk pepejal.

Uji Kendiri 2.1 (m.s. 29)

- Atom
- (a) Penyejatan
(b) Zarah air bergerak secara bebas dengan lebih laju.
- (a)



- (b) Tenaga haba yang diserap digunakan oleh zarah asid laurik, $C_{12}H_{24}O_2$ untuk mengatasi daya tarikan antara zarah sehingga pepejal bertukar menjadi cecair.

Cabaran Minda (m.s. 29)

Jadual berikut menunjukkan jisim dan cas proton, neutron dan elektron.

Zarah subatom	Proton	Neutron	Elektron
Jisim (g)	1.67×10^{-24}	1.67×10^{-24}	9.11×10^{-28}
Cas (C)	$+1.60 \times 10^{-19}$	0	-1.60×10^{-19}

Proton bercas positif. Elektron bercas negatif. Oleh sebab magnitud cas proton dan elektron adalah sama, maka cas relatif proton ialah +1 manakala cas relatif elektron ialah -1.

Jisim proton dan neutron adalah sama.

Untuk menentukan jisim relatif proton dan neutron, formula berikut digunakan.

$$\frac{\text{Jisim neutron}}{\text{Jisim proton}} = \frac{1.67 \times 10^{-24}}{1.67 \times 10^{-24}} = 1$$

Untuk menentukan jisim relatif elektron kepada proton, formula berikut digunakan.

$$\frac{\text{Jisim elektron}}{\text{Jisim proton}} = \frac{9.11 \times 10^{-28}}{1.67 \times 10^{-24}} = 0.0005 \text{ (lebih kurang sama dengan 0)}$$

Dengan itu, cas relatif dan jisim relatif zarah subatom adalah seperti berikut.

Zarah subatom	Proton	Neutron	Elektron
Cas relatif	+1	0	-1
Jisim relatif	1	1	0


Uji Kendiri 2.2 (m.s. 32)

- (a) Elektron
(b) Proton dan neutron
(c)

Zarah subatom	Elektron	Proton	Neutron
Cas relatif	-1	+1	Neutral
Jisim relatif	0	1	1

- (a) James Chadwick

(b)



Cabaran Minda (m.s. 32)



Tidak. Setiap unsur mempunyai nombor proton yang spesifik.

Aktiviti 2.5 (m.s. 34)

- (a) Palsu
(b) Nombor nukleon = $11 + 12$
= 23
(c) Nombor proton = 7
(d) Bilangan elektron yang diterima = 2
(e) Nombor nukleon = $4 + 5$
= 9
(f) Bilangan neutron = $40 - 20$
= 20
(g) Nombor proton = 3
- BOHRIUM

Uji Kendiri 2.3 (m.s. 36)

- 23
- ${}_{19}^{39}\text{Z}$
- Bilangan proton = 11; Bilangan neutron = 12; Bilangan elektron = 10
- (a) 2.8
(b)



Uji Kendiri 2.4 (m.s. 39)

- Isotop ialah atom-atom daripada unsur yang sama yang mempunyai nombor proton / bilangan proton yang sama tetapi nombor nukleon / bilangan neutron yang berbeza.
- Atom W dan X.
Hal ini demikian kerana atom W dan X mempunyai nombor proton/ bilangan proton yang sama tetapi nombor nukleon / bilangan neutron yang berbeza
- Persamaan:
 - Atom ini adalah daripada unsur yang sama, iaitu oksigen.
 - Bilangan proton dalam nukleus atom ini adalah sama.
 - Sifat kimia atom ini adalah sama.

Perbezaan:

- Nombor nukleon ketiga-tiga atom ini berbeza. Nombor nukleon bagi oksigen-16 ialah 16, nombor nukleon oksigen-17 ialah 17 dan nombor nukleon oksigen-18 ialah 18.
- Bilangan neutron dalam nukleus ketiga-tiga atom ini adalah berbeza. Oksigen-16 mempunyai 8 neutron, oksigen-17 mempunyai 9 neutron dan oksigen-18 mempunyai 10 neutron.
- Sifat fizik tiga atom ini adalah berbeza.

4. Jisim atom relatif magnesium = $\frac{(79.0 \times 24) + (10.0 \times 25) + (11.0 \times 26)}{100}$
= 24.32

5. (a) Kobalt-60

(b) Kesan positif:

- Sel kanser dapat dibunuh.

Kesan negatif:

- Sistem keimunan menjadi lemah
- Keguguran rambut

Penilaian Prestasi 2 (m.s. 40 – 41)


1. (a)

Keadaan jirim	Pepejal	Cecair	Gas
Bahan	D, E	B, C	A


(b) Bahan C

(c) Bahan B berubah daripada gas kepada cecair. Tenaga kinetik zarah bahan B berkurang. Daya tarikan antara zarah menjadi semakin kuat.

2. (a)




(b)



(c) Kukus air

(d)



3. Apabila alkohol disapu pada kulit, alkohol mengalami proses penyejatan. Haba diserap oleh zarah alkohol daripada kulit menyebabkan kulit Chen Ling terasa sejuk.

4. (a) Proton

(b) Neutron

(c) X: 2.1

Y: 2.7

Z: 2.8.3

(d) Nombor nukleon atom $Z = 13 + 14$
= 27

5. y = nombor nukleon isotop ${}^y\text{B}$
Jisim atom relatif boron = 10.81

$$\frac{(80.0 \times 11) + (20.0 \times y)}{100} = 10.81$$

$$880 + 20y = 1081$$

$$y = \frac{1081 - 880}{20}$$

$$y = 10.05$$

Maka, nombor nukleon isotop ${}^y\text{B}$ ialah 10.

6. (a) Bilangan proton = 78
Bilangan neutron = $195 - 78$
 $= 117$
(b) Cas ion platinum = $78 - 74$
 $= +4$

7. (Jawapan murid yang sesuai)
Wajar.

- Dos iodine-131 yang diberikan dalam rawatan adalah kecil.
- Kelenjar tiroid yang merembeskan hormon yang berlebihan dapat dimusnahkan.
- Masalah yang disebabkan oleh hipertiroidisme seperti denyutan nadi yang cepat, pengeluaran peluh yang berlebihan, kehilangan berat badan yang ketara dan sebagainya dapat diatasi.

Tidak wajar.

- Kelenjar tiroid dimusnahkan apabila menjalani rawatan hipertiroidisme dengan menggunakan iodine-131.
- Kelenjar tiroid memainkan peranan yang penting dalam penghasilan hormon untuk metabolisme badan.
- Pesakit tersebut perlu mengambil pil tiroid selepas menjalani rawatan hipertiroidisme.

Sudut Pengayaan (m.s. 41)

1. (Jawapan murid yang sesuai)
Ikatkan beg plastik lut sinar pada hujung tumbuhan atau ranting dengan menggunakan tali. Pastikan beg plastik lut sinar diikat dengan ketat. Wap air yang dihasilkan daripada proses transpirasi tumbuhan akan terkumpul dalam beg plastik dan mengalami kondensasi lalu membentuk air.

Jawapan

Bab 3

Cabaran Minda (m.s. 44)

Masalah yang dihadapi ialah tidak semua unsur dapat berpadu dengan hidrogen atau menyasarkan hidrogen dan hidrogen wujud sebagai molekul dwiatom dan sukar untuk wujud sebagai monoatom.

Cabaran Minda (m.s. 45)

JAR bagi magnesium ialah 24.

Aktiviti 3.2 (m.s. 46 - 47)

A. Perbincangan:

- 12
- Sesendal
- Jisim purata satu atom unsur berbanding dengan $\frac{1}{12}$ kali jisim satu atom karbon-12.

B. Perbincangan:

- Jisim purata satu molekul berbanding dengan $\frac{1}{12}$ kali jisim satu atom karbon-12.
- (Jawapan murid yang sesuai)
- Jisim molekul relatif menyamai jumlah jisim atom relatif semua atom yang membentuk molekul.
- (Jawapan murid yang sesuai dengan menggunakan hubung kait berikut:
JMR bagi molekul $W = \text{JAR bagi } A + \text{JAR bagi } B + \text{JAR bagi } C$)

Aktiviti 3.3 (m.s. 48)

- | | | |
|-------|--------|---------|
| 1. 2 | 5. 92 | 9. 294 |
| 2. 48 | 6. 58 | 10. 242 |
| 3. 28 | 7. 135 | |
| 4. 17 | 8. 99 | |

Uji Kendiri 3.1 (m.s. 49)

- Jisim atom relatif ialah jisim purata satu atom unsur berbanding dengan $\frac{1}{12}$ kali jisim satu atom karbon-12.
- (a) 12 atom litium (b) 27 atom helium
- (a) 16 (c) 98
(b) 148 (d) 46

Aktiviti 3.5 (m.s. 51 - 52)

- | | |
|---|---|
| 1. (a) 6.02×10^{22} atom | (b) 2.107×10^{24} atom |
| 2. (a) 7.224×10^{23} molekul | (b) 4.816×10^{23} molekul |
| 3. (a) 1.806×10^{24} unit formula | (b) 1.505×10^{23} unit formula |
| 4. (a) 10 mol | (c) 0.15 mol |
| (b) 0.5 mol | (d) 6 mol |
| 5. (a) 30 mol | (b) 3.612×10^{25} ion |
| 6. (a) 1.204×10^{23} molekul etena | |
| (b) 4.816×10^{23} atom H | |
| (c) 7.224×10^{23} atom | |

Aktiviti 3.6 (m.s. 53 - 54)

- | | |
|----------------------------|--------------|
| 1. (a) 22.4 g | (b) 61.6 g |
| 2. (a) 0.5 mol | (b) 0.06 mol |
| 3. 6.6 g | |
| 4. 55 g mol^{-1} | |

Aktiviti 3.7 (m.s. 55)

- 13.44 dm^3 pada STP; 14.4 dm^3 pada keadaan bilik
- (a) 0.002 mol
(b) 1.75 mol
- 12 dm^3

Aktiviti 3.9 (m.s. 58)

2. (a) (i) 1.505×10^{23} atom (ii) 7.224×10^{23} atom
(b) (i) 4.48 dm^3 (ii) 0.448 dm^3
(c) 3.2 g
(d) 2.4682×10^{23} molekul metana; 6.56 g
(e) 2.2 g

Uji Kendiri 3.2 (m.s. 58)

1. (a) 207 g mol^{-1} (c) 85 g mol^{-1}
(b) 119.5 g mol^{-1} (d) 160 g mol^{-1}
2. 4.816×10^{24} molekul
3. 8.5 g
4. 0.15 mol
5. 11.2 dm^3
6. 72 g mol^{-1}
7. Ya. 4 g gas hidrogen mengandungi 2 mol gas hidrogen, iaitu terdiri daripada 1.204×10^{24} molekul H_2 . 14 g nitrogen pula hanya mengandungi 0.5 mol gas nitrogen, iaitu terdiri daripada 3.01×10^{23} molekul N_2 .

Cabaran Minda (m.s. 60)

Formula molekul sebatian merupakan satu gandaan formula empiriknya.

$$\text{Formula molekul} = (\text{Formula empirik})_n$$

Sesetengah sebatian mempunyai formula molekul yang sama dengan formula empiriknya kerana nilai gandaan, $n = 1$. Sesetengah sebatian mempunyai formula molekul yang berbeza daripada formula empiriknya kerana nilai gandaan, $n = 2, 3, 4, \dots$

Cabaran Minda (m.s. 61)**Aktiviti 3.11 (m.s. 61)**

1. KBr
2. SnCl_4
3. YI_2
4. $\text{C}_7\text{H}_{14}\text{O}_2$

Aktiviti 3.12 (m.s. 62)**Perbincangan:**

1. Menyingkirkan lapisan oksida pada permukaan pita magnesium.
2. Magnesium oksida
3. - Langkah 6 bertujuan mengelakkan wasap putih terbebas/hilang ke udara.
- Langkah 7 bertujuan membenarkan udara masuk ke dalam mangkuk pijar agar oksigen dalam udara dapat bertindak balas dengan pita magnesium.
- Langkah 11 bertujuan memastikan tindak balas pembakaran magnesium berlaku dengan lengkap.
4. Keputusan yang diperoleh tidak tepat dan mungkin akan mempengaruhi formula empirik yang ditentukan.

Aktiviti 3.13 (m.s. 63 - 64)**Perbincangan:**

1. Menghasilkan gas hidrogen.
2. Untuk menyingkirkan udara yang terdapat di dalam salur kaca.
3. Mengelakkan udara memasuki susunan radas kerana kehadiran oksigen di udara akan mengoksidakan kuprum yang masih panas kembali ke kuprum(II) oksida.
4. Untuk memastikan semua kuprum(II) oksida telah berubah sepenuhnya kepada kuprum.

Aktiviti 3.14 (m.s. 66)

1. $C_2H_4O_2$
2. C_8H_{18}
3. 16.25 g
4. Urea, kerana mengandungi peratus nitrogen menurut jisim yang tertinggi, iaitu 46.67%.

$$\% \text{ nitrogen dalam ammonium nitrat} = \frac{2(14)}{14+4(1)+14+3(16)} \times 100\%$$

$$= 35\%$$

$$\% \text{ nitrogen dalam urea} = \frac{2(14)}{12+16+2[14+2(1)]} \times 100\%$$

$$= 46.67\%$$

$$\% \text{ nitrogen dalam kalsium nitrat} = \frac{2(14)}{40+2[14+3(16)]} \times 100\%$$

$$= 17.07\%$$

Aktiviti 3.16 (m.s. 69)

- | | | |
|---------------------------|-------------------------|-----------------------|
| 1. (a) Kalsium klorida | (c) Magnesium nitrat | (e) Natrium sulfat |
| (b) Kalium bromida | (d) Zink karbonat | (f) Ammonium klorida |
| 2. (a) Nitrogen monoksida | (c) Sulfur trioksida | (e) Boron trifluorida |
| (b) Karbon dioksida | (d) Karbon tetraklorida | (f) Karbon disulfida |
| 3. Dinitrogen trioksida | | |

Uji Kendiri 3.3 (m.s. 69)

1. Formula empirik ialah formula yang menunjukkan nisbah paling ringkas bagi bilangan atom setiap jenis unsur dalam sesuatu bahan.
Formula molekul ialah formula yang menunjukkan bilangan sebenar atom-atom setiap jenis unsur yang terdapat dalam satu molekul sesuatu bahan.
2. $C_4H_5N_2O$
3. $CaCO_3$; NaF
4. (a) Formula molekul P_2O_4 ; Formula empirik PO_2
(b) Difosforus tetroksida

Aktiviti 3.17 (m.s. 70)

1. (a) $N_2(g) + 3H_2(g) \rightarrow 2NH_3(g)$
(b) $2Na(p) + 2H_2O(ce) \rightarrow 2NaOH(ak) + H_2(g)$
(c) $CuCO_3(p) \xrightarrow{\Delta} CuO(p) + CO_2(g)$
(d) $4Al(p) + 3O_2(g) \rightarrow 2Al_2O_3(p)$
2. (a) $2KI(ak) + Br_2(ak) \rightarrow I_2(p) + 2KBr(ak)$
(b) $Zn(p) + 2AgNO_3(ak) \rightarrow Zn(NO_3)_2(ak) + 2Ag(p)$
(c) $C_3H_8(g) + 5O_2(g) \rightarrow 3CO_2(g) + 4H_2O(ce)$
(d) $2AgNO_3(p) \xrightarrow{\Delta} 2Ag(p) + 2NO_2(g) + O_2(g)$


Aktiviti 3.18 (m.s. 71)

Perbincangan:


1.

Aktiviti	(a) Bahan tindak balas dan hasil tindak balas	(b) Keadaan fizik	(c) Formula kimia
A	Bahan tindak balas: Kuprum(II) karbonat	Pepejal	CuCO_3
	Hasil tindak balas: Kuprum(II) oksida Karbon dioksida	Pepejal Gas	CuO CO_2
B	Bahan tindak balas: Hidrogen klorida Ammonia	Gas Gas	HCl NH_3
	Hasil tindak balas: Ammonium klorida	Pepejal	NH_4Cl
C	Bahan tindak balas: Kalium iodida Plumbum(II) nitrat	Akueus Akueus	KI $\text{Pb}(\text{NO}_3)_2$
	Hasil tindak balas: Kalium nitrat Plumbum(II) iodida	Akueus Pepejal	KNO_3 PbI_2


2. Tindak balas A



Tindak balas B



Tindak balas C

**Aktiviti 3.20 (m.s. 73 - 74)**

- 5 g
- 32.5 g
- 8 g
- 3.612×10^{23} molekul ammonia

Aktiviti 3.21 (m.s. 74)

1.

Isi padu oksigen (dm^3)	1	5	10	20	50
Jisim kalium klorat(V) diperlukan (g)	3.403	17.014	34.028	68.056	170.139

2.

Jisim kalium klorat(V) (kg)	0.25	0.5	1	1.5	2
Isi padu oksigen dihasilkan (dm^3)	73.469	146.939	293.877	440.816	587.755

Uji Kendiri 3.4 (m.s. 74)

- $\text{Cu}(\text{p}) + 2\text{AgNO}_3(\text{ak}) \rightarrow \text{Cu}(\text{NO}_3)_2(\text{ak}) + 2\text{Ag}(\text{p})$
 - $\text{Zn}(\text{p}) + \text{Cl}_2(\text{g}) \rightarrow \text{ZnCl}_2(\text{p})$
- Air dan gas oksigen
 - 10.08 dm^3

Penilaian Prestasi 3 (m.s. 76 - 77)

- Jisim molar ialah jisim bagi satu mol bahan dalam unit gram.
Isi padu molar ialah isi padu bagi satu mol gas.
- Bilangan zarah dalam bahan = Pemalar Avogadro, $N_A \times$ Bilangan mol bahan
(atau bilangan mol bahan = $\frac{\text{Bilangan zarah dalam bahan}}{\text{Pemalar Avogadro, } N_A}$)
- Jisim satu atom nitrogen adalah 14 kali lebih besar daripada $\frac{1}{12}$ kali jisim satu atom karbon-12.
- $\text{C}_3\text{H}_4\text{O}_3$
 - 176
- $\text{Al}(\text{OH})_3$ dan MgCO_3
- $\text{C}_6\text{H}_{12}\text{O}_6(\text{p}) + 6\text{O}_2(\text{g}) \rightarrow 6\text{CO}_2(\text{g}) + 6\text{H}_2\text{O}(\text{ce})$

7. (a) 278 g mol^{-1} (b) 20.14%
8. YO_2
9. Q, R, P
10. Formula molekul lebih sesuai digunakan dalam persamaan kerana formula molekul menunjukkan bilangan sebenar setiap jenis atom di dalam molekul sebatian. Oleh yang demikian, stoikiometri persamaan yang menggunakan formula molekul dapat memberikan nisbah bilangan mol sebenar bahan-bahan yang terlibat agar dapat digunakan untuk menyelesaikan pelbagai masalah numerikal tentang tindak balas.

Sudut Pengayaan (m.s. 77)

1. $3\text{H}_2\text{O}(\text{g}) + 2\text{Fe}(\text{p}) \rightarrow \text{Fe}_2\text{O}_3(\text{p}) + 3\text{H}_2(\text{g})$
 Jisim stim $= \frac{100}{56} \times \frac{3}{2} \times 18$
 $= 48.2 \text{ g}$
2. Jumlah CO_2 $= 42 \times 24 \text{ jam} \times 18 \text{ hari} \times 5 \text{ orang} = 90720 \text{ g}$
 Jisim LiOH yang diperlukan $= \frac{90720}{44} \times 2 \times 24$
 $= 98967.27 \text{ g}$
 Bilangan tabung penyerap $= \frac{98967.27}{750}$
 $= 131.96$
 $\approx 132 \text{ buah tabung.}$

Jawapan

Bab 4

Cabaran Minda (m.s. 81)


Unsur dalam Jadual Berkala Unsur disusun mengikut tertib nombor proton yang menaik, daripada 1 hingga 118.

Uji Kendiri 4.1 (m.s. 82)

- (a) Antoine Lavoisier
(b) John Newlands
(c) Johann W. Dobereiner
- Perbezaan:
Dobereiner menyusun tiga unsur yang mempunyai purata jisim yang sama dan beliau menamakan unsur-unsur ini sebagai triad. Ketiga-tiga unsur dalam triad didapati mempunyai sifat kimia yang sama. Klasifikasi beliau telah menunjukkan perhubungan antara sifat kimia unsur dengan jisim atom. Newlands menyusun unsur mengikut pertambahan jisim atom. Beliau menyusun tujuh unsur dalam satu baris kerana beliau mendapati sifat kimia dan sifat fizik unsur yang pertama berulang pada setiap unsur kelapan. Beliau menamakan susunan ini sebagai Hukum Oktaf.
Persamaan:
Kedua-duanya menghubungkan jisim atom dengan sifat kimia.

Uji Kendiri 4.2 (m.s. 84)

- Mg, Cu, F
- (a) 2.8.8.1; Kumpulan 1
(b) 2.4; Kumpulan 14
(c) 2.8.7; Kumpulan 17
(d) 2.8.8; Kumpulan 18
-



Cabaran Minda (m.s. 85)

$$\text{Ketumpatan} = \frac{\text{Jisim}}{\text{Isipadu}}$$

Saiz atom unsur meningkat apabila menuruni Kumpulan 18. Peningkatan saiz meningkatkan jisim atom. Apabila menuruni Kumpulan 18, peningkatan jisim atom unsur adalah lebih cepat berbanding peningkatan isipadu. Jadi, ketumpatan unsur meningkat apabila menuruni Kumpulan 18.



Uji Kendiri 4.3 (m.s. 87)

- 2
- Oktet
- Atom neon mempunyai susunan elektron oktet yang stabil
- Saiz atom semakin bertambah apabila menuruni kumpulan kerana bilangan petala berisi elektron bertambah. Takat lebur dan takat didih argon adalah lebih tinggi daripada helium. Saiz atom bertambah apabila menuruni kumpulan kerana bilangan petala berisi elektron bertambah / saiz atom argon lebih besar berbanding dengan atom helium. Daya tarikan antara atom argon lebih kuat berbanding atom helium. Lebih banyak tenaga haba diperlukan untuk mengurangkan daya tarikan antara atom argon.

Eksperimen 4.1 (m.s. 88 – 90)

Perbincangan

- (a) $2\text{Li(p)} + 2\text{H}_2\text{O(ce)} \rightarrow 2\text{LiOH(ak)} + \text{H}_2\text{(g)}$
 $2\text{Na(p)} + 2\text{H}_2\text{O(ce)} \rightarrow 2\text{NaOH(ak)} + \text{H}_2\text{(g)}$
 $2\text{K(p)} + 2\text{H}_2\text{O(ce)} \rightarrow 2\text{KOH(ak)} + \text{H}_2\text{(g)}$



2. Dengan air, oksigen dan klorin : Li, Na, K

Uji Kendiri 4.4 (m.s. 92)

1. Litium dan rubidium (mana-mana unsur Kumpulan 1)
2. (a) - Takat lebur dan takat didih *X* adalah lebih tinggi, diikuti oleh *Y* dan *Z*.
- Saiz atom *Z* adalah lebih besar, diikuti oleh *Y* dan *X*.
(b) $4\text{X(p)} + \text{O}_2\text{(g)} \rightarrow 2\text{X}_2\text{O(p)}$
(c) Susunan menaik kereaktifan: *X*, *Y*, *Z*
Logam *Z* adalah lebih reaktif diikuti oleh logam *Y* dan *X*. Kereaktifan logam Kumpulan 1 bertambah apabila menurun kumpulan kerana saiz atom semakin bertambah. Oleh itu, elektron valens menjadi semakin jauh daripada nukleus, maka lebih mudah bagi atom tersebut untuk mendermakan elektron valens.

Uji Kendiri 4.5 (m.s. 96)

1. -Takat lebur dan takat didih semakin bertambah
-Warna semakin gelap
-Ketumpatan semakin bertambah
2. Kereaktifan unsur Kumpulan 17 bergantung kepada keupayaan atom tersebut menerima elektron dengan mudah. Saiz atom fluorin lebih kecil daripada saiz atom iodin. Maka daya tarikan nukleus terhadap elektron dalam atom fluorin lebih kuat berbanding iodin. Oleh itu, lebih mudah untuk fluorin menerima elektron jika dibandingkan dengan iodin.
3. -Disinfektan mengandungi iodin.
-Air minuman mengandungi klorin.
4. Astatin merupakan unsur radioaktif yang sukar dijumpai kerana tidak stabil secara kimia. Astatin boleh dihasilkan melalui pereputan radioaktif unsur uranium, neptunium dan plutonium. Oleh itu, astatin tidak digunakan dalam makmal.

Eksperimen 4.2 (m.s. 97 – 98)

Perbincangan

1. Oksida bes: Natrium oksida, Na_2O , magnesium oksida (MgO)
Oksida amfoterik: Aluminium oksida (Al_2O_3)
Oksida berasid: Silikon(IV) oksida (SiO_2), sulfur dioksida, SO_2
2. $\text{MgO(p)} + 2\text{HNO}_3\text{(ak)} \rightarrow \text{Mg(NO}_3)_2\text{(ak)} + \text{H}_2\text{O(ce)}$
3. $\text{Al}_2\text{O}_3\text{(p)} + \text{NaOH(ak)} \rightarrow \text{NaAlO}_2\text{(ak)} + \text{H}_2\text{O(ce)}$
4. Unsur yang mengandungi oksida bes: Na dan Mg
Unsur yang mengandungi oksida asid: Si, P, S dan Cl

Uji Kendiri 4.6 (m.s. 100)

1. Unsur-unsur ini mempunyai tiga petala elektron. Natrium, Na [2.8.1], magnesium, Mg [2.8.2], aluminium, Al [2.8.3], silikon, Si [2.8.4], fosforus, P [2.8.5], sulfur, S [2.8.6], klorin, Cl [2.8.7], dan argon, Ar [2.8.8].
2. Silikon mempunyai takat lebur dan takat didih yang tinggi. Klorin mempunyai takat lebur dan takat didih yang rendah.
(Jawapan murid yang sesuai)
3. (a) Unsur klorin, Cl mempunyai saiz atom yang lebih kecil daripada aluminium. Hal ini kerana apabila merentasi Kala 3 dari kiri ke kanan, bilangan petala adalah sama tetapi bilangan proton di dalam atom meningkat. Ini menjadikan daya tarikan nukleus terhadap elektron bertambah dan menyebabkan jejari atom berkurang. Maka saiz atom akan berkurang.
(b) Aluminium, Al
(c) Ne, C, Cl, Al, Na

Uji Kendiri 4.7 (m.s. 104)

1. (a) Unsur peralihan membentuk ion berwarna.
(b) Mempunyai nombor pengoksidaan yang berbeza / membentuk ion kompleks.

2. Proses Haber- serbuk ferum / Proses Sentuh- vanadium(V) oksida

Penilaian Prestasi 4 (m.s. 106 – 107)

1. Mengikut pertambahan nombor proton.
2. (a) Kumpulan 17
(b) Kala 3
3. Neon
4. Unsur ini merupakan logam yang lembut dan kelabu berkilat. Unsur kumpulan 1 bertindak balas cergas dengan oksigen, air dan gas klorin.
5. Unsur aluminium
6. (a) Susunan elektron X = 2.2
Susunan elektron Y = 2.8.7

(b)

Sifat kimia X	Sifat kimia Y
Membentuk oksida bes	Membentuk oksida asid
Bertindak balas dengan oksigen untuk membentuk oksida logam	Bertindak balas dengan logam untuk membentuk halida logam

- (c) – Kereaktifan unsur yang sama kumpulan dengan Unsur X bergantung kepada kecenderungan atom melepaskan dua elektron
- Menuruni kumpulan, saiz atom bertambah menyebabkan jarak di antara nukleus dan elektron valens semakin jauh
 - Daya tarikan nukleus terhadap elektron valens semakin lemah
 - Atom lebih mudah melepaskan elektron. Oleh itu kereaktifan unsur bertambah menuruni kumpulan
 - Kereaktifan unsur yang sama kumpulan dengan Unsur Y bergantung kepada kecenderungan atom menerima atau menarik satu elektron
 - Menuruni kumpulan, saiz atom bertambah menyebabkan jarak di antara nukleus dan elektron semakin jauh
 - Daya tarikan nukleus terhadap elektron semakin lemah
 - Atom lebih sukar menerima atau menarik elektron. Oleh itu kereaktifan unsur berkurang menuruni kumpulan.
7. $2\text{Na}(p) + \text{Cl}_2(g) \rightarrow 2\text{NaCl}(s)$
 8. (a) Kumpulan 13
(b) Kala 3
(c) G merupakan unsur logam
 9. (a) Logam: Na, Mg, Al
Metaloid: Si
Bukan logam: P, S, Cl, Ar
(b) Jejari atom semakin berkurang dari Na kepada Cl. Ini adalah kerana bilangan elektron semakin bertambah, maka bilangan proton juga bertambah. Disebabkan hal ini, cas di dalam nukleus juga bertambah menyebabkan tarikannya terhadap elektron juga bertambah menyebabkan keelektronegatifan meningkat. Oleh itu, saiz atom semakin berkurang kerana jejari atom semakin berkurang apabila merentasi kala dari kiri ke kanan.
(c) Unsur argon
(d) $2\text{Na}(p) + 2\text{H}_2\text{O}(ce) \rightarrow 2\text{NaOH}(ak) + \text{H}_2(g)$
 10. (a) Hijau
(b) Perang

Sudut Pengayaan (m.s. 107)

1. Silikon digunakan dalam pembuatan mikroip kerana bersifat separuh logam atau dikenali sebagai metaloid. Sesuatu metaloid menunjukkan sifat logam dan bukan logam, dan merupakan konduktor elektrik yang lemah dan mempunyai penebat. Oleh itu silikon tidak membenarkan arus yang besar melaluinya berbanding dengan logam yang akan menyebabkan mikroip itu panas dan seterusnya terbakar. Unsur logam seperti litium tidak digunakan kerana litium merupakan logam yang sangat reaktif dan tidak sesuai untuk pembuatan semikonduktor yang memerlukan komposisi logam dan bukan logam.

Jawapan

Bab 5

Cabaran Minda (m.s. 110)


Susunan elektron di petala dalaman telah mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil. Oleh itu, elektron di petala dalaman tidak perlu dipindahkan atau berkongsi elektron dengan atom lain. Maka, elektron di petala dalaman tidak terlibat dalam ikatan kimia.

Uji Kendiri 5.1 (m.s. 111)

1. Ikatan kimia bermaksud ikatan yang terbentuk antara atom yang memindah atau berkongsi elektron untuk membentuk suatu sebatian.
2. Ikatan ion dan ikatan kovalen.
3. Atom gas adi mempunyai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil. Atom gas adi tidak perlu untuk memindahkan atau berkongsi elektron dengan atom lain.
4. Tidak. Untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, natrium, Na perlu menderma satu elektron valens.

Uji Kendiri 5.2 (m.s. 114)

1. (a) Al^{3+} dan F^-
(b) $\text{Al} \rightarrow \text{Al}^{3+} + 3\text{e}^-$
 $\text{F} + \text{e}^- \rightarrow \text{F}^-$
(c)




2. (a) KCl
(b) - Susunan elektron atom kalium, K ialah 2.8.8.1. Atom kalium menderma satu elektron untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, ion kalium, K^+ terbentuk.
- Elektron yang diderma ini dipindah kepada atom klorin.
- Susunan elektron atom klorin, Cl ialah 2.8.7. Atom klorin akan menerima satu elektron tersebut dan membentuk ion klorida, Cl^- dengan susunan elektron oktet yang stabil.
- Ion kalium, K^+ dan ion klorida, Cl^- yang berlainan cas tertarik antara satu sama lain oleh daya tarikan elektrostatik yang kuat.
- Sebatian kalium klorida, KCl terbentuk.

Uji Kendiri 5.3 (m.s. 117)

1. Ikatan tunggal, ikatan ganda dua, ikatan ganda tiga
2. Ikatan kovalen terbentuk apabila atom bukan logam berkongsi elektron untuk mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil.

3.



4. - Ya.
 - Susunan elektron atom karbon, C ialah 2.4. Atom karbon mempunyai 4 elektron valens. Atom karbon memerlukan 4 elektron untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, iaitu 2.8. Maka, atom karbon menyumbangkan 4 elektron untuk dikongsi.
 - Susunan elektron atom hidrogen, H pula ialah 1. Atom hidrogen memerlukan satu elektron untuk mencapai susunan elektron duplet yang stabil. Maka, atom karbon menyumbangkan 1 elektron untuk dikongsi.
 - Oleh itu, satu atom karbon berkongsi empat pasang elektron dengan empat atom hidrogen. 4 ikatan kovalen tunggal terbentuk dan sebatian kovalen dengan formula CH_4 terhasil.
5. Hanya elektron valens sahaja yang terlibat dalam pembentukan ikatan ion dan ikatan kovalen. Ikatan ion melibatkan pemindahan elektron, manakala ikatan kovalen melibatkan perkongsian elektron. Ikatan ion melibatkan unsur logam dan unsur bukan logam, manakala ikatan kovalen melibatkan unsur bukan logam sahaja.

Cabaran Minda (m.s. 118)

Rambut keriting yang kering akan membentuk ikatan hidrogen antara satu sama lain dalam struktur rambut. Apabila rambut keriting menjadi basah, molekul protein akan membentuk ikatan hidrogen dengan molekul air. Molekul air pula akan membentuk ikatan hidrogen yang lain dengan molekul protein rambut lain dan melekat bersama. Ini akan menyebabkan rambut yang keriting nampak lurus dalam keadaan basah.

Uji Kendiri 5.4 (m.s. 119)

1. Daya tarikan antara atom hidrogen (H) yang terikat dengan atom yang mempunyai keelektronegatifan yang tinggi, iaitu nitrogen (N), oksigen (O) atau fluorin (F) dengan atom nitrogen (N), oksigen (O) atau fluorin (F) dalam molekul lain.
2. Molekul hidrogen fluorida, HF terdiri daripada satu atom hidrogen, H dan satu atom fluorin, F. Atom fluorin mempunyai keelektronegatifan yang tinggi. Daya tarikan terhasil di antara atom hidrogen yang terikat dengan atom fluorin di dalam molekul lain dengan atom fluorin dari molekul hidrogen fluorida, HF yang lain. Ikatan hidrogen yang kuat terhasil. Lebih banyak tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya tarikan van der Waals antara molekul hidrogen fluorida di samping memecahkan ikatan hidrogen. Maka hidrogen fluorida mempunyai takat didih yang tinggi dan wujud sebagai cecair pada suhu bilik.
3. Tidak. Walaupun atom klorin mempunyai keelektronegatifan yang tinggi, saiz atom klorin adalah besar.
4. Selulosa dalam kertas mempunyai atom oksigen yang terikat dengan atom hidrogen. Molekul air akan membentuk ikatan hidrogen dengan selulosa dalam kertas. Dengan itu, kertas akan melekat bersama apabila basah.

Uji Kendiri 5.5 (m.s. 121)

1. Ikatan datif atau ikatan koordinat merupakan sejenis ikatan kovalen di mana pasangan elektron yang dikongsi berasal dari satu atom sahaja.
2. Ion hidrogen, H^+ tidak mempunyai sebarang elektron dalam petala. Atom nitrogen dalam ammonia mempunyai pasangan elektron yang boleh dikongsi dengan ion hidrogen. Perkongsian elektron ini akan membentuk ikatan datif.
3. Boleh. Atom nitrogen di dalam ammonia mempunyai pasangan elektron yang boleh dikongsi dengan atom boron di dalam boron trifluorida melalui pembentukan ikatan datif supaya atom boron dapat mencapai susunan elektron oktet yang stabil.

Uji Kendiri 5.6 (m.s. 122)

1. Elektron yang bebas bergerak dan tidak dimiliki oleh mana-mana atom atau ion.
2. Elektron valens atom logam boleh diderma dengan mudah dan dinyahsetempatkan dalam keadaan pepejal. Ion logam bercas positif terbentuk. Semua elektron valens yang dinyahsetempatkan boleh bergerak dengan bebas di antara struktur logam dan membentuk lautan elektron. Daya tarikan elektrostatik antara lautan elektron dan ion logam bercas positif akan membentuk ikatan logam.
3. Logam aluminium mempunyai elektron valens yang mudah dinyahsetempatkan dan membentuk lautan elektron. Elektron yang dinyahsetempatkan ini boleh bergerak secara bebas dan membawa cas dari terminal negatif ke terminal positif dan dengan ini elektrik dapat dikonduksikan.

Eksperimen 5.1 (m.s. 123 - 124)

Perbincangan:

1. Plumbum(II) bromida, PbBr_2 dan magnesium klorida, MgCl_2 merupakan sebatian ion, manakala naftalena, C_{10}H_8 merupakan sebatian kovalen.
2. Natrium klorida boleh mengkonduksikan elektrik dalam keadaan leburan dan larutan akueus, boleh larut di dalam air tetapi tidak larut di dalam pelarut organik. Natrium klorida mempunyai takat lebur dan takat didih yang tinggi.

Uji Kendiri 5.7 (m.s. 130)

1. Sebatian ion mempunyai takat lebur dan takat didih yang lebih tinggi daripada sebatian kovalen.
2. Molekul ringkas dan molekul gergasi sebatian kovalen terbentuk melalui perkongsian elektron antara atom.
3. (a) Magnesium hidroksida merupakan sebatian ion dan boleh larut di dalam air.
(b) Tidak.
(c) Dalam keadaan pepejal, ion magnesium dan ion hidroksida tidak dapat bergerak secara bebas kerana telah diikat dengan daya tarikan elektrostatik (ikatan ion) yang kuat.
4. (a) Takat lebur dan takat didih berlian adalah lebih tinggi daripada metana. Hal ini kerana berlian mempunyai daya ikatan kovalen yang kuat. Tenaga yang tinggi diperlukan untuk mengatasi daya ini bagi meleburkan atau mendidihkan berlian. Metana pula hanya diikat dengan daya tarikan van der Waals yang lemah. Tenaga yang rendah diperlukan untuk mengatasi daya bagi meleburkan dan mendidihkan metana.
(b) Berlian tidak dapat mengkonduksikan elektrik. Berlian merupakan sebatian kovalen. Molekul dalam sebatian kovalen bersifat neutral dan tidak membawa sebarang cas.

Penilaian Prestasi 5 (m.s. 132 - 133)

1. Daya tarikan yang terbentuk apabila atom bukan logam berkongsi elektron untuk mencapai susunan elektron duplet atau oktet yang stabil.
2. Silikon dioksida merupakan molekul gergasi sebatian kovalen. Oleh itu, banyak tenaga haba diperlukan untuk mengatasi ikatan kovalen yang kuat dalam molekul ini.
3. (a) G dan E / G dan H /
(b) DE_2
(c) Molekul H_2 mempunyai takat lebur dan takat didih yang rendah. Daya tarikan van der Waals di antara molekul H_2 adalah sangat lemah. Sedikit tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya tarikan yang lemah ini.
4. (a) Q : 2.8.2 R : 2.6
(b) (i) Ikatan ion
(ii) Susunan elektron atom Q ialah 2.8.2. Atom Q mempunyai 2 elektron valens. Untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, atom Q menderma 2 elektron valens untuk membentuk ion Q^{2+} . Elektron dipindahkan ke atom R . Susunan elektron atom R ialah 2.6. Atom R mempunyai 6 elektron valens. Untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, atom R menerima 2 elektron untuk membentuk ion R^{2-} . Ion Q^{2+} dan ion R^{2-} tertarik antara satu sama lain dengan daya tarikan elektrostatik yang kuat. Ikatan ion terbentuk dan sebatian ion S dengan formula QR terhasil.
5. (a) Unsur J
(b) Susunan elektron atom J ialah 2.8.1. Atom J mempunyai 1 elektron valens. Untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, atom J menderma 1 elektron valens untuk membentuk ion J^+ . Elektron ini dipindahkan ke atom K . Susunan elektron atom K ialah 2.7. Atom K mempunyai 7 elektron valens. Untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil, atom K menerima 1 elektron untuk membentuk ion K^- . Ion J^+ dan ion K^- tertarik antara satu sama lain dengan daya tarikan elektrostatik yang kuat. Ikatan ion terbentuk dan sebatian ion T berbentuk pepejal putih dengan formula JK terhasil.

6. Susunan elektron atom *D* ialah 2.8.7. Atom *D* mempunyai 7elektron valens. Atom *D* memerlukan satu elektron lagi untuk mencapai susunan elektron oktet yang stabil. Memandangkan formula sebatian ialah ED_3 , ini bermakna satu atom *E* berkongsi tiga pasang elektron dengan tiga atom *D*. Oleh itu, susunan elektron atom *E* mungkin 2.5 atau 2.8.5.
7. Terdapat pembentukan ikatan hidrogen antara molekul air. Ikatan hidrogen merupakan daya tarikan yang kuat dan memerlukan tenaga haba yang tinggi untuk mengatasinya. Dengan itu, takat didih air adalah tinggi dan air wujud sebagai cecair dalam suhu bilik. Hidrogen klorida tidak membentuk ikatan hidrogen antara molekul. Oleh itu, sedikit tenaga haba diperlukan untuk mengatasi daya tarikan van der Waals yang lemah. Takat didih hidrogen klorida adalah rendah dan HCl wujud sebagai gas dalam suhu bilik.
8. Elektron valens atom kuprum boleh diderma dengan mudah dan dinyahsetempatkan dalam keadaan pepejal. Semua elektron yang dinyahsetempatkan boleh bergerak dengan bebas di antara struktur logam dan membentuk lautan elektron. Elektron yang bergerak bebas membawa cas elektrik dari terminal negatif ke terminal positif dan mengkonduksikan elektrik dalam wayar elektrik.
9. Pepejal putih ini adalah sebatian ion. Sebatian ion mempunyai ion yang berlainan cas. Apabila dimasukkan ke dalam air, ion positif akan tertarik ke bahagian atom oksigen molekul air yang bercas negatif manakala ion negatif akan tertarik ke bahagian atom hidrogen molekul air yang bercas positif. Daya tarikan antara molekul air dengan ion ini cukup kuat untuk mengatasi daya tarikan elektrostatik antara ion dalam pepejal sebatian ion. Oleh itu, sebatian ini boleh larut dalam air.
Apabila pepejal putih dileburkan, ia boleh mengkonduksikan elektrik. Ini adalah kerana ion dalam bentuk leburan dapat bergerak secara bebas. Ion yang bergerak bebas ini boleh membawa cas elektrik dari terminal positif ke terminal negatif.

Sudut pengayaan (m.s.133)

1. Polinukleotida merupakan sebatian kovalen yang mempunyai atom hidrogen yang diikat dengan atom nitrogen. Atom nitrogen bersaiz kecil dan mempunyai keelektronegatifan yang tinggi. Daya tarikan akan terhasil di antara atom hidrogen ini dengan atom oksigen dari polinukleotida yang lain. Ikatan hidrogen telah terbentuk. Bilangan atom hidrogen dan atom oksigen dalam polinukleotida yang tinggi mengakibatkan pembentukan ikatan hidrogen yang banyak di antara kedua-dua polinukleotida. Oleh itu, polinukleotida berpilin bersama untuk membentuk DNA.

Jawapan

Bab 6

Cabaran Minda (m.s. 137)

Bukan. Magnesium, Mg bertindak balas dengan asid hidroklorik, HCl untuk menghasilkan garam magnesium klorida, MgCl_2 dan gas hidrogen, H_2 tetapi bukannya air. Bes ialah bahan yang bertindak balas dengan asid untuk menghasilkan garam dan air sahaja.

Eksperimen 6.1 (m.s. 139 – 140)

Mentafsir data:

1. Warna kertas litmus biru berubah menjadi merah.
2. Pepejal asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ tidak dapat menunjukkan sifat keasidan tetapi pepejal asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ yang telah dilarutkan di dalam air dapat menunjukkan sifat keasidan.
3. Air diperlukan oleh asid untuk menunjukkan sifat keasidan.

Perbincangan:

1. Ion hidrogen, H^+
2. Tanpa air, pepejal asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ wujud dalam bentuk molekul. Ion hidrogen, H^+ tidak hadir. Maka pepejal asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ tidak dapat menunjukkan sifat asid. Warna kertas litmus biru kekal tidak berubah.
Apabila pepejal asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ dilarutkan di dalam air, molekul asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ mengion untuk menghasilkan ion hidrogen, H^+ . Kehadiran ion hidrogen, H^+ menyebabkan asid oksalik, $\text{C}_2\text{H}_2\text{O}_4$ menunjukkan sifat keasidannya. Maka warna kertas litmus biru berubah menjadi merah.
3. Asid ialah bahan kimia yang menukarkan kertas litmus biru kepada merah apabila kertas litmus biru dicelupkan ke dalam asid yang telah dilarutkan di dalam air.

Eksperimen 6.2 (m.s. 141)

Mentafsir data:

1. Pelet natrium hidroksida, NaOH tidak dapat menunjukkan sifat kealkaliannya tetapi larutan natrium hidroksida, NaOH yang terhasil dapat menunjukkan sifat kealkalian.
2. Kertas litmus merah perlu dilembapkan untuk mengesan sifat kealkalian.

Perbincangan:

1. Ion hidroksida, OH^-
2. Tanpa air, ion hidroksida, OH^- dalam pelet natrium hidroksida, NaOH tidak dapat bergerak bebas tetapi masih terikat dalam struktur kekisinya. Maka, ia tidak menunjukkan sifat alkali. Warna kertas litmus merah kekal tidak berubah.
Apabila pelet natrium hidroksida, NaOH dilarutkan di dalam air, ion hidroksida, OH^- mula terpisah dan bergerak bebas di dalam air. Kehadiran ion hidroksida, OH^- yang bergerak bebas menyebabkan larutan natrium hidroksida, NaOH mempamerkan sifat kealkaliannya. Maka warna kertas litmus merah berubah menjadi biru.
3. Alkali ialah bahan kimia yang menukarkan kertas litmus merah kepada biru apabila kertas litmus merah dicelupkan ke dalam alkali yang telah dilarutkan di dalam air.

Uji Kendiri 6.1 (m.s. 142)

1. (a) Bahan kimia yang mengion di dalam air untuk menghasilkan ion hidrogen, H^+ .
(b) Bahan kimia yang mengion di dalam air untuk menghasilkan ion hidroksida, OH^- .
2. Asid karbonik ialah asid dwibes kerana boleh mengion di dalam air untuk menghasilkan dua ion hidrogen per molekul asid.
3. (a) Serbuk pencuci tidak dilarutkan di dalam air sebelum menjalankan uji kaji.
(b) Masukkan 2 cm^3 air suling ke dalam tabung uji yang berisi serbuk pencuci dan goncangkan. Kemudian, masukkan kertas litmus merah.
Serbuk pencuci hanya menunjukkan sifat kealkaliannya dengan kehadiran air kerana serbuk pencuci yang larut di dalam air dapat mengion untuk menghasilkan ion hidroksida.

Eksperimen 6.3 (m.s. 146)

Mentafsir data:

1. Apabila kepekatan asid hidroklorik, HCl berkurang, nilai pH bertambah.
2. Apabila kepekatan asid hidroklorik, HCl berkurang, kepekatan ion hidrogen, H^+ juga berkurang.
3. Apabila ion hidrogen, H^+ berkurang, nilai pH bertambah.

Perbincangan:

1. (a) Kepekatan ion hidrogen, H^+ berkurang
(b) Nilai pH bertambah
(c) Darjah keasidan larutan akueus berkurang
2. Apabila kepekatan ion hidrogen, H^+ bertambah, nilai pH berkurang dan darjah keasidan larutan akueus yang berasid bertambah.

Eksperimen 6.4 (m.s. 147)

Mentafsir data:

1. Apabila kepekatan larutan natrium hidroksida, NaOH berkurang, nilai pH berkurang.
2. (a) Kepekatan ion hidroksida, OH^- berkurang
(b) Nilai pH berkurang
(c) Darjah kealkalian larutan natrium hidroksida, NaOH berkurang
3. Apabila kepekatan ion hidroksida, OH^- bertambah, nilai pH bertambah dan darjah kealkalian larutan natrium hidroksida, NaOH bertambah.

Uji Kendiri 6.2 (m.s. 148)

1. $pH = -\log [H^+]$
2. $pH = -\log [H^+]$
 $= -\log [0.001]$
 $= -(-3)$
 $= 3$
3. $Ca(OH)_2 \rightarrow Ca^{2+} + 2OH^-$
 $0.05 \text{ mol dm}^{-3} \qquad\qquad 0.10 \text{ mol dm}^{-3}$
 $pOH = -\log [0.1]$
 $= -(-1)$
 $= 1.0$
Nilai pOH larutan kalsium hidroksida, $Ca(OH)_2 = 1.0$
 $pH \text{ larutan kalsium hidroksida, } Ca(OH)_2 = 14.0 - 1.0$
 $= 13.0$

Uji Kendiri 6.3 (m.s. 151)

1. (a) Asid kuat ialah asid yang mengion lengkap di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidrogen, H^+ yang tinggi.
(b) Asid lemah ialah asid yang mengion separa di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidrogen, H^+ yang rendah.
(c) Alkali kuat ialah alkali yang mengion lengkap di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidroksida, OH^- yang tinggi.
(d) Alkali lemah ialah alkali yang mengion separa di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidroksida, OH^- yang rendah.
2. Larutan ammonia, NH_3 ialah alkali lemah manakala larutan kalium hidroksida, KOH ialah alkali kuat. Kepekatan ion hidroksida, OH^- di dalam larutan ammonia, NH_3 lebih rendah, maka nilai pH larutan ammonia, NH_3 lebih rendah daripada larutan kalium hidroksida, KOH.
3. Asid nitrik, HNO_3 mempunyai nilai pH yang lebih rendah daripada asid oksalik, $H_2C_2O_4$. Asid nitrik, HNO_3 ialah asid kuat yang mengion lengkap di dalam air untuk menghasilkan ion hidrogen, H^+ yang berkepekatan tinggi tetapi asid oksalik, $H_2C_2O_4$ ialah asid lemah yang mengion separa di dalam air untuk menghasilkan ion hidrogen, H^+ yang berkepekatan rendah. Semakin tinggi kepekatan ion hidrogen, H^+ , semakin rendah nilai pH.

Aktiviti 6.4 (m.s. 152 - 155)

(A) Tindak balas antara asid dengan bes

Perbincangan:

1. Serbuk kuprum(II) oksida, CuO terlarut di dalam asid sulfurik, H₂SO₄
2. Warna biru
3. $\text{H}_2\text{SO}_4 (\text{ak}) + \text{CuO} (\text{p}) \rightarrow \text{CuSO}_4 (\text{ak}) + \text{H}_2\text{O} (\text{ce})$
4. Asid + Bes $\rightarrow$ Garam + Air

(B) Tindak balas antara asid dengan logam reaktif

Perbincangan:

1. Pembukaan berlaku. Bunyi 'pop' terhasil apabila kayu uji bernyala didekatkan ke mulut tabung uji.
2. Gas hidrogen
